



KENYATAAN MEDIA

SEANF MULAKAN SEMAKAN RASMI TERHADAP KELAYAKAN MNHRC UNTUK KEKAL SEBAGAI AHLI

KUALA LUMPUR (25 SEPTEMBER 2026) – Lembaga Tadbir Forum Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan Asia Tenggara (SEANF) (SEANF), di bawah Pengerusian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi SEANF 2026, telah memulakan semakan rasmi terhadap kelayakan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Myanmar (MNHRC) untuk kekal sebagai ahli SEANF. Lembaga Tadbir tersebut terdiri daripada Pengerusi SUHAKAM, Komisi Nasional Hak Asasi Manusia Republik Indonesia (Komnas HAM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Filipina (CHRP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Thailand (NHRCT), serta *Provedor de Direitos Humanos e Justiça* (PDHJ), Timor-Leste.

Semakan tersebut telah dimulakan melalui mesyuarat khas Lembaga Tadbir SEANF yang diadakan pada 14 Ogos 2026, selaras dengan Perkara 11(6) Peraturan Tatacara SEANF. Semakan ini turut akan menilai sama ada MNHRC masih memenuhi piawaian kebebasan, keberkesanan dan integriti institusi yang ditetapkan oleh Prinsip Paris, yang telah diperbadankan dalam takrifan SEANF mengenai institusi hak asasi manusia kebangsaan.

Dalam menjalankan semakan tersebut, Lembaga Tadbir akan mempertimbangkan maklumat berkaitan yang diterima oleh SEANF sejak tahun 2021, perkembangan MNHRC dalam menangani syor-syor yang dikemukakan oleh anggota SEANF pada tahun 2021, serta dapatan berkaitan yang terkandung dalam laporan 2024 Sub-Jawatankuasa Akreditasi Perikatan Global Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (GANHRI). Semakan ini juga akan mempertimbangkan implikasi institusi berhubung kemungkinan MNHRC mengambil alih Pengerusian SEANF secara bergilir pada tahun 2027, sementara persoalan mengenai pematuhan berterusannya terhadap piawaian keahlian SEANF masih belum diselesaikan.

Pada 1 September 2026, SEANF telah memberikan MNHRC notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari mengenai perkara-perkara yang dikenal pasti dalam notis tersebut, dengan merujuk kepada Peraturan 12.1(c) Perlembagaan APF¹ sebagai amalan terbaik prosedur yang telah ditetapkan bagi cadangan resolusi yang boleh menjejaskan kedudukan seseorang ahli. MNHRC boleh mengemukakan sebarang maklumat, penjelasan atau representasi yang difikirkannya berkaitan sebelum mesyuarat rundingan Lembaga Tadbir bersama MNHRC dijalankan pada 1 Oktober 2026.

Selepas mempertimbangkan maklum balas MNHRC dan semua bahan lain yang berkaitan, Lembaga Tadbir pada 1 Oktober 2026 akan mempertimbangkan satu resolusi berhubung sama ada MNHRC masih memenuhi kelayakan untuk meneruskan keahlian dalam SEANF dan layak untuk mengambil alih Pengerusian SEANF pada tahun 2027, atau sama ada MNHRC akan hilang kelayakan untuk mengekalkan keahlian dan diisytiharkan tidak layak untuk mengambil alih Pengerusian tersebut.

¹ Rule 12.1(c) of the APF Constitution states, "If the Forum councillors intend to propose a resolution under rule 12.1(a), they must give the member written notice at least 21 days before the meeting at which the resolution is to be proposed."

Tiada keputusan telah dibuat pada peringkat ini berhubung pematuhan MNHRC kepada **Perkara 1 pindaan Peraturan Tatacara SEANF²** atas kelayakannya untuk terus menjadi ahli SEANF. MNHRC telah diberikan peluang yang munasabah untuk memberikan maklum balas sebelum Lembaga Tadbir mempertimbangkan sebarang resolusi, selaras dengan **Perkara 24 Peraturan Tatacara SEANF³** dan amalan terbaik prosedur yang dinyatakan dalam **Peraturan 12.1(c)(3) Perlembagaan APF⁴**.

SEANF menjalankan semakan rasmi ini dengan niat baik bagi melindungi kredibiliti, akauntabiliti, kebebasan dan keberkesanan Forum serta usahanya untuk memajukan, melindungi dan merealisasikan hak asasi manusia di Asia Tenggara selaras dengan Prinsip Paris.

-TAMAT-

² Amended Article 1 of the SEANF Rules of Procedure states, "NHRI refers to an independent national institution that complies with the Paris Principles and holds a constitutional and/or legislative mandate to promote and protect human rights."

³ Article 24 of the SEANF Rules of Procedure states, "Any dispute between members concerning the interpretation or application of, or compliance with this Rules of Procedure shall be settled amicably by consultation or negotiation".

⁴ Rule 12.1(c)(3) of the APF Constitution states, "The member must be given a reasonable opportunity to respond before a decision is made by the Forum councillors."